

MAHATHIR - PERSYARIKATAN
(1)

1983

KUALA LUMPUR, 11 JUN (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENJELASKAN HARI INI BAHAWA KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA DAN KONSEP PERSWASTAAN ADALAH DUA PERKARA YANG BERLAINAN.

PERDANA MENTERI KESAL KERANA MASIH RAMAI RAKYAT, TERMASUK AHLI POLITIK, YANG TIDAK MEMAHAMI KEDUA-DUA KONSEP ITU DAN MENGANGGAP BAHAWA PERSWASTAAN IALAH SEBAHAGIAN DARIPADA KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA.

+SAYA YAKIN INTAN YANG MENGANJURKAN FORUM MENGENAI PERSYARIKATAN MALAYSIA TAHU MENGENAINYA TETAPI MASIH TERDAPAT BERITA-BERITA DALAM AKHBAR SEOLAH-OLAH KONSEP PERSWASTAAN ITU IALAH SEBAHAGIAN DARIPADA PERSYARIKATAN MALAYSIA,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI IBUPEJABAT PARTI ITU DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN MENYEBUT TENTANG SATU LAPORAN AKHBAR BARU-BARU INI BAHAWA PERALATAN TELEFON BOLEH DIJUAL OLEH SEKTOR SWASTA DAN INI IALAH SEBAHAGIAN DARIPADA KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA.

TEGASNYA SEKTOR SWASTA YANG MENGAMBIL ALIH PENJUALAN ALAT-ALAT TELEFON TIDAK ADA KENA MENGENA DENGAN KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA. -- LAGI 1542/OM
NNNN

ZCZC B568: 11
MAHATHIR - PERSYARIKATAN 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENGULANGI BAHAWA ERTI PERSYARIKATAN MALAYSIA IALAH SELURUH NEGARA DIANGGAP SEBAGAI SEBUAH PERBADANAN YANG LENGKAP DENGAN SEKTOR KERAJAAN BERGANDING BAHU DENGAN SEKTOR SWASTA UNTUK MEMBANGUNKAN EKONOMI NEGARA.

DALAM PERTEMUAN EMPAT JAM ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, TELAH MENJELASKAN SEKALI LAGI KEPADA PARA PEMIMPIN UMNO TENTANG KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA DAN JUGA KONSEP PERSWASTAAN KERANA KATANYA +MASIH RAMAI YANG TIDAK MEMAHAMINYA.+

BELIAU JUGA MENERANGKAN KEPADA MEREKA TENTANG DASAR LUAR NEGARA.
-- BERNAMA 1544/OM